

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**HMT 505 – Semantik dan Wacana Bahasa Melayu Lanjutan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **ENAM [6]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA [5]** soalan. Soalan dalam **Bahagian A WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan daripada **Bahagian B**.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

**Bahagian A:** Soalan **WAJIB** dijawab

1. Pilih salah satu daripada pendapat di bawah dan huraikan:-

- [a] Makna linguistik dan tafsiran semantik (Hajicova dan Sgall, 1998) dan Semantik formal (Lappin, 2001).  
[20 markah]

**ATAU**

- [b] Tabii makna (Nida, 1996) dan Perhubungan semantik antara set makna (Nida, 1996).  
[20 markah]

**ATAU**

- [c] Model-model tafsiran (Dascal, 1998) dan Struktur linguistik dan semantik (Nida, 1996)  
[20 markah]

...2/-

2. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Bagi ayat-ayat berikut, perikan kepelbagaian makna yang wujud, jika ada.

[i] Mari kita lihat kaki bangku tersebut.

[ii] Oi budak itu semangat!

[iii] Kucing itu menangkap burung di rumah Ibrahim.

[iv] Tindakan polis semalam membimbangkan aku.

[v] Fatimah dan Husin sudah lari ke rumah nenek saya.

[10 markah]

[b] Apakah yang dimaksudkan dengan kontroversi kamus-ensiklopedia di dalam menyusun struktur konseptual leksikon?

[10 markah]

3. Soalan [a], [b], [c] dan [d] menggunakan wacana ilmiah di dalam Data 1 yang berikut:

#### Data 1

Banyak tumbuhan dan binatang hidup di dalam laut. Banyak pula antaranya yang terlalu kecil hingga kita tidak boleh nampak dengan mata kasar. Binatang dan tumbuhan halus ini hanya dapat dilihat dengan meletakkannya di bawah mikroskop. Tumbuhan dan binatang halus ini disebut juga plankton. Berjuta-juta plankton ini hidup berhampiran permukaan laut. Hidupan ini menggunakan cahaya matahari untuk mencipta makanannya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, laut kadang-kadang kelihatan berwarna biru, kelabu, merah, hijau atau perang. Hal ini disebabkan oleh plankton. Mungkin terlalu banyak plankton yang halus berdekatan permukaan air hinggakan hidupan ini berupaya mengubah warna laut.

Sama ada daripada jenis binatang atau tumbuhan halus, plankton menjadi bahan makanan kepada binatang-binatang laut yang lebih besar. Ikan yang kita makan setiap hari memakan plankton. Ikan paus yang besar itu pun bergantung kepada plankton sebagai sumber makanannya. Ikan paus biru yang merupakan binatang terbesar di dunia memakan dua tan plankton setiap hari.

Sumber: Diubahsuaikan daripada **Laut dan Kawasan Pantai** (1981: 6)

- [a] Kenal pasti peranti kohesi perujukan di dalam wacana di atas. Sebutkan juga perujuk, yang dirujuk dan jenis rujukannya.

[14 markah]

- [b] Apakah jenis hubungan antara:

- [i] Tumbuhan dan binatang halus dengan plankton di dalam Ayat 4?

[1 markah].

- [ii] Ikan paus biru dengan binatang terbesar di dunia di dalam perenggan ketiga ayat 4?

[1 markah]

- [c] Apakah perkaitan yang wujud antara semua ayat di dalam wacana di atas sehingga anda dapat memastikan bahawa wacana ini koheren?

[2 markah]

- [d] Berdasarkan [c] kenal pasti jenis teks wacana di atas.

[2 markah]

**Bahagian B:** Jawab **DUA [2]** soalan.

4. Analisis Data 2 dengan menggunakan **TIGA** daripada yang berikut:-

- [a] Hujah yang logik
- [b] Perkataan, dunia dan proposisi
- [c] Ketaksaan makna
- [d] Perbilangan
- [e] Domain teori semantik

[20 markah]

**Data 2**

- (i) "Kuih Pau He Zhou" di Linxia.
- (ii) "Mee Daging Islam Lanzhaou".
- (iii) "Daging Kambing Genggam Tangan".
- (iv) "Nasi Genggam Tangan".
- (v) Colorless green ideas sleeping furiously.
- (vi) Max akan ke udara pada hari Isnin.
- (vii) Setiap lelaki meminati sesetengah perempuan.
- (viii) Tiga lelaki meminati dua perempuan.
- (ix) Tiada siapa pun bersetuju.
- (x) Phil mengujarkan, dia kenal akan Kate.

*Sumber:* Diubahsuaikan daripada ***Perkembangan Masyarakat China Muslim Di Dunia*** (1999: 93) dan ***Knowledge of Meaning: An Introduction to Semantic Theory*** (1995: 42-330).

5. Jawab soalan [a] dan [b]

- [a] Dengan menggunakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu, perelaskan cara metafora memerikan teori makna dan penyebaran maklumat.

[10 markah]

- [b] Dengan menggunakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu, bandingkan dan bincangkan kekuatan dan kelemahan kaedah komponen makna (*componential analysis*) dengan teori konsep prototaip (*prototype theory of concepts*).

[10 markah]

6. Untuk menjawab soal [a], [b] dan [c], gunakan sama ada wacana perbualan di dalam Data 3 **ATAU** Data 4 yang berikut:-

**Data 3**

A: mana budak ni?

B: tau

C: dia memang gini

A: tadi aku lalu depan rumah die

C: moto die ade?

B: biase die paking kat bawah pokok mangge tu

A: hoi engkau selalu lambat, mak hang bukak radio ka?

D: relek aa

*Sumber: **Amalan berkomunikasi dalam masyarakat bahasa** (1998: 311).*

**Data 4**

A: mase mengandung tak de darah tinggi?

B: tak de pasal anak dah besar kan

A: satu tiga puloh, bawah lapan puloh, nomel akak ye

B: ada ye

A: tak ade kak

B: alhamdulillah, takut juge, seratus tiga puloh

A: ye, atas tige puloh, bawah lapan puloh

B: terime kasih ye

A same-same

*Sumber: **Amalan berkomunikasi dalam masyarakat bahasa** (1998: 257).*

- [a] Gunakan pendekatan etnografi pertuturan Hymes (1964) dengan akronim *S.P.E.A.K.I.N.G.* untuk menganalisis peristiwa bahasa di dalam Data 3 atau Data 4 di atas.  
[10 markah]
- [b] Apakah kesulitan yang anda hadapi sewaktu menganalisis wacana di dalam Data 3 atau Data 4 di atas? Bagaimanakah anda mengatasi masalah ini?  
[5 markah]
- [c] Berdasarkan jawapan di dalam [a] dan [b], interpretasikan data di atas.  
[5 markah]